

Contohi pendirian kental Za'ba: Dr M

BH 3 0 APR 2000

Oleh JAMHARIAH JAAFAR dan HAZIRAH CHE ZAB

Simposium
Jatidiri Melayu
Abad 21

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap bangsa Melayu dapat melahirkan lebih banyak anggota masyarakat yang mempunyai pendirian dan pandangan sekental Pendeta Za'ba.

Ini kerana kata Perdana Menteri, agenda Melayu masih belum selesai, malahan masih jauh daripada matlamatnya.

Justeru, katanya, usaha Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melancarkan Kursi Za'ba memang baik, tetapi adalah lebih bijak sekiranya generasi masa kini memahami falsafah dan pendekatan perjuangan tokoh negara itu, serta memastikan perjuangan itu berterusan.

"Tidak ada tuju yang boleh dibina untuk Za'ba yang boleh membanggakannya, (kecu-

ah) seperti tuju budaya Melayu Baru yang dicita-citakan-nya," katanya ketika merasmikan Simposium 'Jati Diri Melayu Abad 21' sempena pelancaran Kursi Za'ba oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad dan Naib Canselor UPSI, Datuk Dr Ashari Che Mat.

Perdana Menteri berkata, Za'ba ketika hayatnya menjadi contoh anak Melayu yang berpandangan global dan

mempunyai visi dalam tindak-tanduknya.

Pendirian ini katanya, dapat dilihat melalui tulisan tokoh itu mengenai pendidikan, kepercayaan serta politik orang Melayu.

"Pemerhatian Za'ba terhadap bangsanya adalah menyeluruh. Kelemahan orang Melayu menurut pandangan Za'ba disebabkan salah tafsir masyarakat terhadap perkara pokok dalam keimanan.

"Persoalan Melayu tidak pernah selesai dibicarakan. Senario yang ditunjukkan oleh Za'ba ketika hayatnya adalah contoh jati diri Melayu yang dapat dicontohi dan dibanggakan," katanya.

Pada sesi pembentangan kertas kerja selepas itu, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Khir, turut menyentuh mengenai sumbangan Za'ba khu-

susnya usaha menyedarkan orang Melayu mengenai pentingnya pendidikan moden dalam menentukan 'survival' bangsa Melayu.

Bagaimanapun katanya, walaupun nilai orang Melayu kini jika dibandingkan ketika zaman Za'ba telah banyak berubah, namun ia belum cukup kukuh atau mendalam akarnya untuk membolehkan mereka berdikari.

"Cabaran yang kita mesti hadapi ialah bagaimana identiti dan budaya orang Melayu dapat dipertahankan tetapi pada masa yang sama menjana perubahan pada sistem nilai supaya bangsa Melayu mempunyai daya saing dan kreativiti setaraf dengan bangsa yang maju di dunia.

"Justeru, dasar pendidikan kita mestilah mempunyai objektif ini sebagai matlamatnya," katanya.

Berikutan itu kata Mahadzir, persoalan yang dibangkitkan Za'ba lebih setengah abad lalu masih relevan diperkatakan sehingga hari ini, biarpun masa dan konteksnya sudah

agak berubah.

"Bangsa Melayu dalam menghadapi abad ke-21 sedang bergelut dengan cabaran yang tidak kurang macamnya seperti apa yang Za'ba rasai

pada zamannya. Dan, pendidikan terus menjadi satu-satunya asas dan alat yang boleh menjamin masa depan bangsa, agama dan tanah air orang Melayu," tegasnya.